

BNM tubuh rangkaian pacu pendidikan kewangan

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Bank Negara Malaysia (BNM) menu-buhkan rangkaian pendidikan (FE Network) untuk menyelaraskan dan memacu Strategi Pendidikan Kewangan Negara.

Dalam satu kenyataan di sini hari ini, Gabenor BNM, Datuk Muhammad Ibrahim berkata, FE Network akan memainkan peranan penting dalam penggunaan sumber dan tenaga kreatif yang kini tertumpu kepada pendidikan kewangan di pelbagai agensi bagi memaksimumkan keberkesanannya secara kolektif.

"Ia juga menggalakkan liputan yang mencukupi bagi kumpulan

asaran. Ini sangat penting bagi menyokong kebajikan individu dan pengukuhan kewangan isi rumah Malaysia," katanya.

Muhammad berkata, FE Network berfungsi sebagai platform antara agensi untuk meningkatkan impak inisiatif pendidikan kewangan dan mengenal pasti peluang baharu bagi meningkatkan celik kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Ini akan dilakukan melalui penjajaran yang lebih besar, kerjasama yang lebih erat dan tumpuan kepada penilaian impak.

Penubuhan rangkaian ini di-umumkan oleh BNM hari ini, yang

dipengerusikan dan disokong oleh kumpulan kerja yang ditubuhkan untuk memacu inisiatif khusus.

Selain BNM, ahli lain terdiri daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

FE Network akan bekerjasama dengan kementerian yang berkaitan, persatuan industri kewangan, kumpulan pengguna dan pihak berkepentingan lain untuk menyampaikan, memantau dan menilai inisiatif pendidikan kewangan di bawah strategi kebangsaan bersepadu. - BERNAMA